

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan semangat patriotisme.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **semangat patriotisme**.**Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.***Patriotisme Bukan Sekadar Semangat**

Patriotisme merupakan perkara yang amat penting kepada setiap negara. Semangat ini bukan sekadar luahan perasaan tetapi turut menuntut penghayatan daripada setiap warganegara. Berkat daripada patriotisme yang bersemarak dalam jiwa, warganegara yang patriotik ini sentiasa berusaha untuk memajukan negara dalam pelbagai bidang.



Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, dan orang Asli.



Sumber: Kementerian Belia & Sukan



Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.***1**

Melancong ialah aktiviti lawatan atau kunjungan ke tempat tertentu untuk tujuan tertentu. Tujuan utama seseorang itu melancong adalah untuk merehatkan minda setelah sibuk dengan urusan kerja atau kehidupan. Bagi golongan remaja, aktiviti melancong dapat mengisi masa lapang mereka daripada menghabiskan masa dengan melayan media sosial. Selain itu, aktiviti melancong juga membolehkan seseorang itu merasai pengalaman baharu sewaktu mengunjungi destinasi pelancongan.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil.12/2021

Berdasarkan petikan di atas, huraikan manfaat-manfaat aktiviti tersebut.

2

Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan bahawa sebanyak 72.1 peratus calon SPM tidak berminat untuk menyambung pelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak anak muda terikut-ikut untuk menjadi pempengaruh media sosial yang disangka akan memberikan kesenangan dengan kadar segera. Selain itu, masalah kewangan menyebabkan banyak pelajar lepasan SPM memilih untuk tidak menyambung pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi di samping tidak mahu lagi menerima tekanan dalam pelajaran.

Sumber: <https://utusan.com>

Berdasarkan petikan di atas, huraikan punca-punca pelajar lepasan SPM tidak berminat untuk menyambung pelajaran.

3

Gurindam Pemimpin

Pemimpin mesti kotakan janji,
Rakyat menyokong tidak mengeji.

Pemimpin sentiasa berbudi bahasa,
Seluruh negara hidup sentosa.

Pemimpin ikhlas membantu rakyat,
Namanya harum sepanjang hayat.

Irfaan Alias
Shah Alam

Gurindam di atas menyatakan ciri-ciri yang perlu ada pada seorang pemimpin.
Huraikan ciri-ciri tersebut.

4

SHAH ALAM - Pendedahan mengenai keburukan rasuah dalam kalangan masyarakat tidak hanya tertumpu pada pendidikan berbentuk formal seperti pelajaran di dalam kelas semata-mata. Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Norhayati Nordin berkata, pendekatan tersebut perlu disesuaikan dengan segmen komuniti dalam setiap lapisan masyarakat.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mengatasi masalah tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT